

Belia ketagih gajet, internet rugikan diri

Bagai isi dengan kuku itulah istilah yang sesuai untuk belia zaman sekarang. Belia dan teknologi sememangnya tidak dapat dipisahkan lagi. Segala maklumat dan perkembangan teknologi menjadikan belia semakin peka kepada arus globalisasi. Laman web sosial Facebook, blog dan Twitter menjadi pilihan utama dalam kehidupan belia. Mereka menjadikan teknologi sebagai agenda utama untuk mencari pelbagai maklumat, berkongsi dan bersosial dengan masyarakat.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, seramai 1,936 orang muda berumur 15-26 tahun menunjukkan 58 peratus menyatakan mereka mahir menggunakan teknologi. Ini menunjukkan bahawa teknologi bukan sekadar medium penyampai maklumat yang baik malah menjadi satu keperluan dalam kehidupan mereka. Belia tidak menyedari bahawa teknologi telah menguasai diri mereka sehingga dewasa.

Selain itu menurut akhbar

BH, seramai 60,000 orang pelajar yang juga tergolong daripada belia telah dikesan mengalami ketagihan melayari sesawang Facebook. Selain aktiviti di sekolah, mereka juga selalu menghabiskan masa dengan melayari internet 24 jam dalam sehari. Hal ini juga akan mendorong mereka untuk ponteng kelas dan membazir masa mereka. Hal ini merujuk kepada kajian yang telah dibuat oleh sebuah Syarikat Keselamatan Internet Antarabangsa, Norton yang menyatakan kebimbangan mereka terhadap belia masa kini. Mereka mendapati purata belia melayari internet dalam masa sebulan ialah 64 jam.

Beri kesan besar

Kewujudan gajet pada era baharu sekarang memberi kesan yang besar kepada belia khususnya penuntut Institusi pengajian tinggi (IPT). Sebagai contoh terdapat penggunaan telefon pintar yang menjadi rebutan dan keperluan untuk berkomunikasi. Belia sanggup keluar wang yang banyak semata-mata untuk memiliki kepuasan diri atau sekadar untuk menunjuk-nunjuk kemewahan

diri sendiri. Tambahan pula sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberi RM200 (rebat) kepada belia sama ada bekerja atau pelajar telah meningkatkan lagi pembelian telefon pintar dalam kalangan mereka.

Kemudahan yang telah diberikan telah disalahgunakan generasi muda sekarang. Sebagai contoh terdapat yang boleh dilihat ialah pelajar universiti dalam menggunakan teknologi. Mereka sepatutnya lebih bijak menggunakan teknologi yang telah diberikan. Dapat dilihat ketika di dalam dewan kuliah setiap hari. Apabila pensyarah memulakan kuliah, ada pelajar tidak memberi fokus kerana asyik leka telefon pintar yang mana berkemungkinan ada yang sedang melayari internet, menghantar pesanan mesej dan sebagainya.

Sumbang idea

Bukan itu sahaja, teknologi yang canggih telah membentuk belia lalai dalam menggunakannya secara berhemah seperti menonton, merakam dan menyebarkan gambar atau video yang tidak bermoral. Tindakan bodoh dan kurang senonoh ini jelas mencer-

minkan sikap sebenar masyarakat kita sendiri. Sebaliknya mereka seharusnya menyumbangkan idea yang kreatif untuk memajukan negara dengan menggunakan kecanggihan teknologi sekarang. Selain itu, belia yang lalai dalam menggunakan teknologi juga telah menyebabkan berlakunya pembaziran masa dan elektrik. Hal ini terjadi kerana pengguna akan memasam komputer atau laptop dalam jangka masa yang lama untuk melayari internet dan bermain game.

Kesimpulannya, kemudahan kecanggihan teknologi sememangnya memudahkan semua pihak untuk menjalankan kehidupan seharian. Namun begitu, pada masa yang sama teknologi menimbulkan kesan buruk kepada sesetengah pihak. Tanpa teknologi, tidak mungkin kita akan dapat melahirkan belia yang kreatif dan inovatif dalam apa jua bidang. Belia adalah aset negara dan bakal mengetuai pemerintahan pada masa hadapan.

Norapiza Dusi,
Universiti Sains Islam Malaysia